

26/01/1999

Deflasi sejagat beri kesan buruk kepada Malaysia

Wan Sabariah Shikh Ali

PERINGATAN Perdana Menteri mengenai kemungkinan berlaku deflasi sejagat yang boleh memberi kesan buruk kepada Malaysia mempunyai asas berdasarkan petunjuk seperti risiko pasaran dan penurunan harga yang dapat dikesan di negara industri utama dunia kini.

Deflasi berterusan jika berlaku akan memberi kesan buruk kepada ekonomi kerana mengakibatkan kemerosotan pengeluaran, bilangan pekerjaan, harga aset dan nilai cagaran sistem perbankan.

Jumaat lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad buat pertama kali mengemukakan peringatan mengenai kemungkinan berlaku deflasi sejagat.

Katanya, Malaysia yang berjaya menguruskan kegawatan kewangan negara perlu bersiap sedia menghadapi kemungkinan berkenaan.

Deflasi ditakrifkan sebagai penurunan berterusan dalam paras harga keseluruhan dalam ekonomi.

Tiga faktor yang sering dirujuk sebagai penyebab utama deflasi ialah peningkatan produktiviti dan teknologi, pertumbuhan wang yang tidak memadai dan pelaburan berlebihan.

"Kebimbangan memang ada," kata Ketua Eksekutif Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd, Dr Ghazali Atan.

Ini berdasarkan adanya tompok hitam seperti Brazil dan Russia manakala ekonomi Asia seperti Jepun yang belum pulih, China dan negara lain masih 'rapuh' terhadap risiko.

Kebimbangan utama penyebab deflasi ialah pasaran modal dan kewangan sekali lagi mengalami kejatuhan, institusi perbankan menjerut kredit seterusnya harga dan permintaan agregat (penggunaan dan pelaburan) turut meranap.

Public Bank, menerusi jurnal Economic Review keluaran terbaru, bagaimanapun berkata deflasi tidak dijangka berlaku dalam tempoh terdekat.

Menurut Public Bank, deflasi dianggap baik jika ia berlaku hasil peningkatan produktiviti, teknologi dan kecekapan ekonomi.

Kebanyakan ahli ekonomi menganggap deflasi bentuk ini perkembangan yang dialu-alukan kerana meningkatkan pendapatan benar pengguna dan menaikkan permintaan agregat yang boleh meningkatkan pengeluaran agregat.

Bagaimanapun, deflasi yang berpunca daripada kelembapan pertumbuhan kewangan boleh memberi kesan buruk jika berlaku pada jangka panjang.

Ia akan mengurangkan permintaan agregat dan tahap pengeluaran negara.

Antara 1929 hingga 1932 iaitu tempoh The Great Depression, pengeluaran industri menjunam di seluruh dunia.

Di Amerika, misalnya, pengeluaran industri jatuh 50 peratus dan harga merosot 30 peratus manakala di Jerman, pengeluaran jatuh 40 peratus dan harga 30 peratus.

Apabila permintaan agregat dan pengeluaran merosot menyebabkan kebangkrapan dan pengangguran berleluasa.

Deflasi juga boleh memanjangkan tempoh kemelesetan dan menyebabkan kelembapan ekonomi menjadi lebih parah jika pengguna menangguhkan perbelanjaan dan pelabur menangguhkan pelaburan kerana menjangkakan harga akan lebih rendah pada masa depan.

Dalam tempoh deflasi, kadar faedah benar meningkat dan hasilnya nilai hutang benar menjadi lebih tinggi seterusnya tidak menggalakkan permintaan dan penggunaan.

Harga aset jatuh menyebabkan kelembapan ekonomi. Nilai kolateral turut merosot menyebabkan sistem perbankan menerima tekanan.

Ekonomi yang mengalami deflasi parah tidak bertindak balas terhadap dasar kewangan expansionary kerana kerajaan tidak lagi mempunyai kawalan terhadap kadar faedah benar.

Menurunkan kadar faedah untuk merangsang permintaan juga tidak bermakna kerana kejatuhan harga menyebabkan kadar faedah benar meningkat.

Lagipun, ketika deflasi, kadar faedah mungkin mencapai tahap begitu rendah sehingga ekonomi berada dalam perangkap kecairan.

Menurut Public Bank, walaupun unsur penurunan kadar inflasi dialami negara maju, Public Bank tidak mengunjurkan ekonomi dunia mengalami deflasi pada masa terdekat.

Walaupun sesetengah pihak menyatakan harga komoditi seperti minyak yang menurun boleh mencetuskan deflasi, ia sebenarnya akan memanfaatkan negara pengimport komoditi utama, terutama negara maju.

Ini seterusnya mengurangkan kos, menaikkan pendapatan benar dan permintaan agregat di negara maju.

Kejatuhan harga komoditi serta harga pengeluar kemungkinan diimbangi tekanan dalam pasaran buruh serta harga sektor perkhidmatan di negara berkenaan.

"Oleh itu, kaitan penting antara kejatuhan harga komoditi serta harga pengeluar dan potensi deflasi dunia boleh dipersoalkan," katanya.

Public Bank juga berpendapat walaupun pulangan bon jangka panjang negara industri seperti Amerika dan Jepun ketara merosot kebelakangan ini, ia mencerminkan jangkaan inflasi lebih rendah pada masa depan.

Kejatuhan itu juga disifatkan berpunca daripada pelabur yang melarikan diri daripada krisis kewangan di Asia dan Russia. Selain itu, pertumbuhan bekalan wang di negara industri utama kekal tinggi manakala kadar faedah utama di negara berkenaan juga diturunkan untuk merangsang pertumbuhan agregat, kredit dan ekonomi.

(END)